

18/03/1999

Perhimpunan Pemuda Pas di Kedah berbeza

ALOR STAR, Rabu - Cadangan Dewan Pemuda Pas Kedah untuk menganjurkan perhimpunan rakyat Kedah, 25 Mac ini berbeza dengan perhimpunan rakyat Kedah untuk mendengar amanat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 21 Mac ini, kata Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid.

Beliau berkata, cadangan perhimpunan Pas itu bertujuan mendapat sokongan politik, berbeza dengan tujuan kerajaan negeri bagi membolehkan rakyat Kedah mendengar penjelasan Perdana Menteri.

"Perhimpunan Pas itu perhimpunan politik ... itu bukan urusan saya," katanya selepas mesyuarat mingguan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), di sini hari ini.

Sanusi berkata demikian sebagai mengulas cadangan Dewan Pemuda Pas Kedah untuk menganjurkan program yang dinamakan Himpunan Perpaduan Rakyat Kedah di Stadium Darul Aman pada malam 25 Mac ini.

Mengikut kenyataan Setiausaha Dewan Pemuda Pas Kedah, Sukarno Abdul Hamid yang dikeluarkan di sini, Sabtu lalu, dewan terbabit sudah mengemukakan permohonan kepada Pengurus Perbadanan Stadium Darul Aman untuk menyewa stadium itu.

Dengan anggaran kehadiran kira-kira 40,000 orang, program itu dijadualkan dihadiri Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor; isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Dr Chandra Muzaffar serta Ketua Dewan Pemuda Pas Kedah, Mahfuz Omar.

Sanusi berkata, perhimpunan raksasa bersama Dr Mahathir di stadium terbabit pada malam 21 Mac ini akan membolehkan rakyat Kedah mendengar amanat Perdana Menteri.

"Perdana Menteri ada hak untuk menceritakan apa yang perlu kepada rakyat," katanya.

(END)